

Dua kumpulan MCA diminta patuhi agenda perdamaian

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap dua kumpulan dalam MCA yang sudah berdamai mematuhi permuafakatan agenda perdamaian dan kestabilan yang dicadangkan Perdana Menteri, melalui tindakan bukan semata-mata percakapan.

Timbalan Perdana Menteri yang sebelum ini mengetuai pasukan perunding bagi menyatukan dua puak yang bertelagah itu berkata, mereka juga harus mengelak mengeluarkan kenyataan yang boleh menyinggung hati mana-mana pihak.

"Kalau mereka sudah bersetuju, sebaik-baik semula, mematuhi apa yang dikehendaki Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN), maka segala tindakan atau percakapan yang dikeluarkan, biarlah yang tidak menyakitkan hati.

"Ini bagi mengelak perkara yang boleh membawa kepada keadaan tegang dalam hubungan kedua-dua kumpulan. Yang perlu, mereka hendaklah berusaha ke arah perpaduan dalam MCA, bekerja ke arah mengukuhkan lagi muafakat BN dalam MCA." katanya menerima kunjungan Naib Presiden Republik China Hu Jintao serta mesyuarat delegasi di pejabatnya di sini, hari ini.

Semalam, dua kumpulan yang bertelagah dalam MCA, bersetuju mengekalkan kepemimpinan sedia ada termasuk pada peringkat bahagian, negeri dan pusat, sehingga 2005 yang sekali gus menamatkan krisis dalam parti itu.

Persetujuan itu dicapai sebulat suara dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) MCA yang dihadiri Presiden MCA, Datuk Seri

Dr Ling Liong Sik yang mengetuai Kumpulan A dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek yang mengetuai Kumpulan B.

Kesepakatan itu dicapai sebagai menyokong agenda kedamaian dan kestabilan yang dicadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengakhiri kemelut dalam kepimpinan MCA.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, beliau gembira dengan permuafakatan yang dicapai itu dan berharap kedua-dua pihak melupakan segala yang berlalu.

Katanya, mulai sekarang semua pihak harus bekerjasama dengan lebih kuat untuk terus mencapai matlamat kedamaian dan kestabilan dalam MCA yang juga penting bagi kestabilan BN keseluruhannya.

"Itulah harapan kita dan saya ucap tahniah kepada kedua-dua pihak kerana akhirnya dapat terima, bersetuju dengan nasihat Perdana Menteri. Mereka sudah berusaha untuk melaksanakan apa yang dikehendaki Perdana Menteri dengan berjaya.

"Apa yang Dr Mahathir katakan itu (pesan) adalah untuk kebaikan MCA dan ahlinya, tidak lebih daripada itu. Dengan harapan itu juga, kalau MCA kuat, maka MCA akan dapat membantu menjadikan BN juga kuat," katanya.

Mengenai spekulasi penyelesaian kemelut dalam MCA akan merintis jalan yang lebih mudah untuk mengadakan pilihan raya umum akan datang, beliau berkata: "Mengapa mahu buat spekulasi. Perdana Menteri sudah kata jawapannya ialah "tiada jawapan". Saya cuma mengulangi apa yang dinyatakan oleh bos saya."